

BAB III

BAHASA ARAB SEBAGAI SUMBER UTAMA ISTILAH AGAMA ISLAM

3.0 PENDAHULUAN

Bahasa Arab ialah bahasa yang mempunyai kedudukan yang tinggi kerana telah terpilih sebagai bahasa al-Quran daripada ribuan bahasa yang ada di muka bumi ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t di dalam firmanNya yang berbunyi :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya : sesungguhnya telah Kami turunkan al-Quran itu dalam bahasa Arab , semoga kamu memikirkannya. (Yusuf 12:2)

Sehubungan dengan itu, asal-usul Islam dan ilmu yang berkaitan dengannya adalah dalam bahasa Arab, diturunkan melalui perantaraan Jibrail a.s. dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada umatnya sehingga sampailah kepada kita hari ini dalam bahasa yang kita miliki.

Melihat kepada kepentingan bahasa Arab sebagai sumber istilah agama Islam, maka dalam bab ini, kita akan melihat faktor-faktor sejarah dan isu kedatangan Islam ke Tanah Melayu secara ringkas dan seterusnya isu tulisan Jawi dan hubungannya dengan bahasa Arab memandangkan peminjaman istilah yang

dirujuk secara khusus di dalam kajian ini bersumberkan tulisan Jawi. Penulis akan mengenengahkan perkara-perkara tersebut dengan memperlihatkan subtajuk berikut untuk kita renungi bersama, iaitu :

3.1 Kedatangan Islam di Tanah Melayu dan pengaruhnya

3.1.1 Pengaruh Islam dalam pentadbiran dan perlaksanaan undang-undang

3.1.2 Pengaruh Islam dalam kebudayaan

3.1.3 Pengaruh Islam dan bahasa Arab dalam bahasa dan pendidikan

3.1.3.1 bahasa Arab dalam penulisan dan pertuturan

3.1.3.2 bahasa Arab dalam pengetahuan dan pendidikan

3.2 Perkembangan tulisan Jawi di negeri Johor

3.2.1 Tulisan Jawi dalam pentadbiran

3.2.2 Tulisan Jawi dalam pendidikan

3.2.3 Tulisan Jawi dalam masyarakat

3.3 Tulisan Jawi dalam Majalah Ahkam Johor

3.1 KEDATANGAN ISLAM DI TANAH MELAYU DAN PENGARUHNYA

Islam yang bererti selamat dan sejahtera itu menjadi istilah terpilih bagi agama yang dibawa oleh baginda Rasulullah s.a.w untuk sekalian alam. Agama yang dijanjikan kemenangan sejak ia diturunkan hingga ke hari kiamat ini berkembang pesat sejak di bawah pimpinan baginda s.a.w lagi. Sehubungan dengan itu, untuk melihat sejarah bahasa Arab yang berkembang luas di negara kita perlulah diambil kira dari sejarah kedatangan Islam itu sendiri yang membawa agama dan bahasanya.

Menurut Abdul Jalil bin Borham, (mengikut catatan yang dibuat oleh R.O Winstedt) tempat terawal yang diduduki oleh pedagang-pedagang Arab di Tanah Melayu ialah di Kedah, iaitu selewat-lewatnya pada tahun 915 Masihi (1994:61). Ini diikuti oleh Trengganu dengan penemuan prasasti yang ditemui di Sungai Tersat, Kuala Berang, Hulu Trengganu yang bertarikh pada tahun 702H bersamaan dengan 1303M. (Amat Juhari Muain, 1996:20). Pada masa itu, perkembangan Islam adalah melalui perdagangan lebih-lebih lagi setelah Pasai mengambil alih kuasa perdagangan daripada Kedah. Ia turut berkembang melalui perkahwinan apabila pemerintah Pasai yang bernama *Merah Silu* berkahwin dengan puteri raja Perlak 2 yang beragama Islam yang kemudian menukar namanya kepada *Sultan Maliku's-Salleh* (Abdul Jalil bin Borham,1994:62).

Apabila pelabuhan Melaka dibuka pada tahun 1414M pusat perdagangan yang dulunya terletak di Pasai telah tertumpu di sini dengan dipenuhi oleh pedagang-pedagang asing dari Arab, India dan Jawa. Pastinya mereka bukan sahaja datang untuk berdagang malah turut berfungsi sebagai mubaligh, utusan dan sebagainya. Islam mula dianuti oleh orang kebanyakan setelah pemerintah menunjukkan minat yang mendalam terhadap agama ini. Dengan pengislaman Parameswara, Islam semakin berkembang lebih-lebih lagi selepas perkahwinan baginda dengan puteri raja Pasai (Abdul Jalil bin Borham,1994:73).

Selain daripada pusat perdagangan, Melaka terus dikenali sebagai pusat pengajian Islam dan berupaya mengembangkan kekuasaannya hingga ke beberapa bahagian Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Perkembangan yang baik ini bukan sahaja menjadikan Islam dianuti sebagai agama semata-mata, malah turut mempengaruhi seluruh aspek kehidupan. Pengaruh Islam telah membawa berbagai-

bagai perubahan di Nusantara samada dari segi politik dan perundangan, sosial dan kebudayaan, pendidikan dan pengetahuan serta tidak ketinggalan penulisan dan kesusasteraan. Justeru itu kita melihat kesan dan pengaruh Islam di dalam tajuk-tajuk seterusnya.

3.1.1 PENGARUH ISLAM DALAM PENTADBIRAN DAN PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG

Perkara pertama yang dilakukan oleh Parameswara selaku raja Melaka yang pertama menganut agama Islam ialah penukaran namanya, iaitu dengan nama Sultan Muhammad Iskandar Shah (Othman bin Ishak, 1981:32). Apabila Islam telah bertapak dalam istana, maka kedudukannya sebagai agama turut mempengaruhi perlaksanaan undang-undang pada masa itu. Sebagaimana yang dicatatkan oleh pengkaji-pengkaji sejarah, Undang-Undang Melaka pada zaman itu terbahagi kepada dua, iaitu Hukum Kanun atau Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka (Muhammad Yusuf Hashim (tanpa tarikh): 4).

Kandungan yang pertama meliputi tanggungjawab raja serta pembesar, pantang larang di kalangan masyarakat, hukuman kesalahan jenayah, undang-undang keluarga permasalahan ibadah dan muamalat yang amat jelas dan lain-lain lagi. Manakala yang kedua pula adalah bersabit dengan hal-hal di laut seperti tanggungjawab pegawai-pegawai kapal, aturcara pelayaran dan perniagaan, kesalahan jenayah atau syari`ah Islam, dan bidang kuasa nakhoda kapal (Muhammad Yusuf Hashim (tanpa tarikh) 4). Kesimpulan daripada penelitian terhadap undang-undang tersebut terdapat dua sumber perundangan yang digunakan, iaitu hukum adat daripada Adat Temenggung dan Hukum Islam.

Kedua-dua perundangan ini adalah kesan pengaruh Islam terhadap politik negeri Melaka yang telah menjadikan hukum-hukum Islam sebagai asas di samping hukum adat yang sedia ada. Menurut kajian Abd. Jalil bin Borham (1991:96) selain daripada Kerajaan Islam Melayu Melaka, pengaruh ini juga dapat dilihat di beberapa buah Kerajaan Islam yang lain seperti Kerajaan Islam Aceh dan Kerajaan Islam Johor serta lain-lain. Menurut beliau lagi, Undang-Undang Melaka inilah yang memberi jalan ke arah terciptanya Undang-Undang Johor tetapi telah disesuaikan dan ditumpukan dengan kehendak dan keperluan tempatan yang berbeza dan berbagai-bagai (Abd. Jalil bin Borham 1991:117).

3.1.2 PENGARUH ISLAM DALAM KEBUDAYAAN

Kemasukan Islam telah memulakan satu bentuk kehidupan dalam budaya masyarakat berbanding dengan keadaan yang telah ada sejak zaman sebelumnya. Sumber pengajaran Islam yang utama ialah al-Quran. Al-Quran ialah sebuah kitab suci yang syumul untuk semua manusia dari sejak zaman Rasulullah s.a.w hingga ke hari qiamat. Abdul Samad Ahmad (1990:60) menyebutkan dalam bukunya bahawa al-Quran mengandungi dua prinsip pokok, pertama, perhubungan manusia dengan tuhan dan keduanya, hak serta kewajipan manusia dalam masyarakat bagi mencipta suatu keadilan sosial yang sempurna dalam kehidupan.

Sungguhpun Islam telah menggantikan penyembahan berhala dengan kepercayaan terhadap Tuhan yang esa namun kesan peninggalan zaman Hindu telah sebatи dalam jiwa dan kehidupan orang Melayu dan agak sukar dihapuskan dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, Islam mulai meresap sedikit demi sedikit

dan akhirnya dapat diterima perlahan-lahan. Contohnya, kepercayaan terhadap dukun dan bomoh yang mulanya menggunakan cara-cara zaman purba kini nama Allah, nama-nama rasul dan nama-nama malaikat turut terdapat dalam jampi-jampi mereka.

Menurut A.Aziz Deraman (1986:14) jiwa kebudayaan Islam tesorot dalam cara berpakaian, makan minum, pengembangan ilmu pengetahuan, kesenian, falsafah, dan peningkatan bahasa dan kesusasteraan Melayu ke taraf tradisi intelektualisme yang cukup bermakna. Adat istiadat bercorak Islam telah lama mewarnai kehidupan orang-orang Melayu seperti dalam majlis-majlis perkahwinan, berkhatan, kematian, pemberian nama serta gelaran dan seumpamanya. Seperti contoh di dalam bidang kesenian, lagu-lagu Islam dan zikir yang asalnya digunakan untuk kepentingan rohaniah di kalangan ahli sufi lahir dalam bentuk marhaban, qasidah, berzanji dan digabung pula dengan bahasa Melayu-Arab untuk difahami oleh orang-orang kebanyakan.

Hari-hari kebesaran Islam mula mendapat tempat di kalangan mereka yang menganut agama ini. Perayaan-perayaan seperti mengenang kelahiran Rasulullah s.a.w., *Isrā'* dan *Mi'rāj*, *Nisfu Sya'abān*, hari ke 10 Muhāram, *'Idul-Fitri* dan *'Idul-Adhā* mula diraikan bagi menggantikan adat istiadat sebelum mereka menganut Islam (Josselin de Jong,P.E., 1965:61-62). Upacara-upacara yang sunat di dalam Islam turut dimasukkan ke dalam adat Melayu sedikit demi sedikit seperti *walimah*, *'aqiqah* dan *berkhatan* (bersunat) yang kini telah menjadi amalan secara besar-besaran.

Kedatangan Islam membawa ajaran baru, agama baru, kehidupan baru dan kebudayaan baru kepada orang Melayu. Sedikit demi sedikit unsur-unsur Hindu-

Buddha dan animisme dapat dihakis dan orang Melayu mula menampakkan jati dirinya sendiri (Amat Johari Moain, 1996:16). Selain perkara yang telah antara unsur Islam yang masuk ke dalam kebudayaan Melayu ialah bahasa dan tulisannya. Dalam bahasa Melayu, terdapat banyak perkataan yang berasal dari bahasa Arab setelah datangnya Islam.

3.1.3 PENGARUH ISLAM DAN BAHASA ARAB DALAM BAHASA DAN PENDIDIKAN

Bahasa Melayu yang pada masa ini menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan Malaysia, Indonesia, Singapura dan negara Brunei Darussalam bukanlah baru di rantau ini. Ia telah menjadi bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara sejak abad ke-15M. (Amat Juhari Muain, 1996:1). Menurut catatan sejarah, bahasa ini telah tumbuh di Alam Melayu sejak zaman sebelum itu lagi, iaitu pada abad ke-14M dengan penemuan prasasti-prasasti berbahasa Melayu di Sumatera Selatan, di Sajamerta, di selatan Segenting Kra dan di Bukit Gombak, Sumatera Barat (T.M.1365) (1996:2)

Semenjak kedatangan Islam penggunaannya semakin meluas dalam usaha menyebarkan agama Islam di rantau Kepulauan Melayu seterusnya menjadikannya satu bahasa yang berkedudukan tinggi dalam penyebaran ilmu agama dan pendidikan amnya. Seiring dengan peranan yang dibawa dalam mengembangkan agama Islam maka banyaklah perkataan-perkataan bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa ini. Contoh yang paling lama kita temui ialah perkataan sultan, hukum, kanun dan sebagainya yang berasal dari bahasa Arab pada asalnya digunakan di istana akhirnya tersebar semakin luas. Untuk perbincangan seterusnya kita akan melihat pengaruh

Islam dan bahasa Arab di mana penulis bahagikannya kepada dua bahagian yang berasingan iaitu :-

- i. bahasa Arab dalam penulisan dan pertuturan:
- ii. bahasa Arab dalam pengetahuan dan pendidikan.

3.1.3.1 BAHASA ARAB DALAM PENULISAN DAN PERTUTURAN

Sebelum kedatangan Islam, kesusateraan Melayu kuno adalah secara lisan dan ia hanya dituliskan sejak orang-orang Melayu menerima tulisan Jawi (Aziz Deraman, 1975:78). Ini ialah sejarah perkembangan dan kemajuan orang-orang Melayu dalam menyampaikan pemikiran melalui tulisan. Tulisan Jawi ialah serapan daripada tulisan huruf Arab kesan peninggalan ajaran Islam di rantau ini. Menurut kajian sejarah perkataan Jawi merujuk kepada semua bangsa dan kaum yang menjadi peribumi di Asia Tenggara dan tidak terhad kepada orang-orang Jawa di Pulau Jawa sahaja (Amat Juhari Muain, 1996:17).

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972:61) dengan datangnya Islam di kalangan orang Melayu, dan dengan bertukarnya agama Hindu-Buddha-Anismisme kerajaan-kerajaan Melayu kepada Islam, maka abjad Arab dan tulisan Arab telah diterima dan digunakan dalam penulisan Melayu. Walau bagaimanapun huruf-huruf ini tidak mencukupi untuk menampung kesemua perkataan Melayu di rantau ini kerana pada asalnya ia mewakili istilah-istilah agama. Dengan kreativiti mereka sendiri penambahan beberapa huruf berlaku untuk melengkapkan fonem-fonem /j/, /ŋ/, /p/, /c/, dan /g/ yang tidak mempunyai lambang dalam huruf

Arab. Huruf-huruf tersebut ialah (ج), (ع), (ن), (ف) dan (ك). Ini disebutkan dalam petikannya :

"Berdasarkan huruf-huruf Arab: jim (ج); 'ayn (ع); fa' (ف); kaf (ك) dan nun (ن); lima huruf baru lambat laun tercipta, masing-masing menandakan bunyi-bunyi yang lazim pada bunyi lidah Melayu : ca (قا); nga (ڠ); pa (ڤ); ga (ڱ) dan nya (ڻ)." (1972:61)

Dengan perkembangan bahasa Melayu ini pengayaan perbendaharaan kata turut menyerap ke dalam kesusasteraan Melayu dengan melibatkan karya-karya yang berunsur Islam dalam hikayat seperti *Hikāyat Amīr Hamzah*, *Hikāyat Muhamad Ali Hanafiah* dan sebagainya. Unsur-unsur Hindu yang dulunya bertapak kukuh telah digantikan dengan unsur-unsur Islam seperti wali-wali, nabi-nabi malaikat dan lain-lain. Melalui tulisan Jawi, Islam yang dulunya dikenali sebagai anutan ilmu agama seperti menyampaikan bimbingan ibadah, ajaran mengenai hukum-hakam dan perundangan akhirnya menaikkan bahasa Melayu dalam memperkembangkan kesusasteraannya.

Kata-kata Arab yang semakin banyak digunakan dalam bahasa Melayu ini mencakupi pelbagai bidang kehidupan dan khususnya melibatkan perkara-perkara yang berkait rapat dengan agama. Laporan Kaji Selidik Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Bidang Kehakiman dan Undang-Undang turut mengesahkan bahawa penggunaan bahasa Arab dalam bidang syariah tidak dapat dielakkan. Selain daripada ia merupakan bahasa sumber hukum daripada al-Quran, maka penggunaannya adalah lebih tepat untuk menerangkan sesuatu makna (1992:251).

Selain daripada perbendaharaan kata dan kefahaman Islam, aspek pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu ialah ciri-ciri tatabahasa dan ilmu balaghah yang diserap bersama telah diperkenalkan oleh pendeta Za`ba dalam Pelita Bahasa karangan beliau (1994:60). Tujuan mengambil ilmu balaghah yang menggunakan gaya bahasa yang indah ialah untuk meningkatkan mutu gaya bahasa serta pemilihan kata-kata yang tepat dan bernes sesuai dengan keadaan kata-kata itu diucapkan.

Dengan pertembungan dua bahasa melalui agama ini membuktikan kebolehan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu warisan Islam khususnya dengan kelahiran kitab-kitab fikah dalam pelbagai bidang yang ditulis oleh ulama' yang terdiri dari anak watan sendiri. Mereka asalnya memahami teks asal dengan baik kemudian menukilkannya kepada masyarakat dalam gaya bahasa yang mudah difahami. Apabila terdapat istilah yang sukar diterjemahkan maka istilah tersebut digunakan secara langsung kerana tulisan Jawi membolehkannya ditulis dengan tepat (Mat Rofa Ismail, 1995:738).

Dengan ini dapatlah kita mngambil kesimpulan wujudnya hubungan langsung antara bahasa Arab dan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu kerana sumber hurufnya yang sama dan tujuan asal ia digunakan untuk memudahkan menulis istilah-istilah agama. Demikianlah pengaruh Islam dan bahasa Arab dalam bahasa Melayu yang bukan setakat digunakan pada kata-kata agama sahaja dan berkekalanlah ia sejak dari zaman dahulu hingga ke hari kiamat kerana ia adalah bahasa al-Quran yang telah dijamin Allah s.w.t untuk dipelihara dan dilindungi.

3.1.3.2 BAHASA ARAB DALAM PENGETAHUAN DAN PENDIDIKAN

Agama dan ilmu ialah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Ia berpunca dari kejayaan Islam dalam menyebarluaskan ilmu pengetahuan (Abdullah Ishak, 1992:141). Islam sangat mementingkan ilmu pengetahuan samada bagi individu atau masyarakat secara umum. Kepentingan tersebut jelas tergambar dalam wahyu Allah yang pertama disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. berupa perintah membaca :

رَقِّأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Terjemahannya : Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. (al-'Alaq, 96:1)

Ayat ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan kepada manusia dan wasitah utama untuk mencapainya ialah dengan kaedah pembacaan. Dalam pendidikan Islam al-Quran dijadikan dasar pengajaran yang patut didahulukan sebelum mengembangkan kemampuan yang lain kerana ia berperanan dalam memperkuatkan iman seseorang.

Sejak diturunkan wahyu Rasulullah berperanan sebagai seorang rasul yang diutus untuk mengembangkan ajaran Islam kepada sekalian umat dengan sebaik-baik cara dan penuh hikmah. Usaha pertama baginda ialah dengan mengadakan halaqah di rumah *Al-Arqam ibn Abi Al-Arqam* di Makkah pada T.M.610 (Mustafa Mohd Isa, 1999:8). Kaedah ini terus berkekalan dan menjadi ikutan seterusnya menjadi satu identiti pengajian dakwah Islam yang diwarisi sejak zaman berzaman. Menurut

Abdullah Ishak (1995:56) dalam tulisannya *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia* mengatakan, kedatangan agama Islam yang dikatakan berlaku dalam kurun ke-15M atau lebih awal lagi telah membuktikan pembentukan kurikulum pelajaran dalam bentuk tidak formal telah berlaku di istana dan rumah, iaitu model pengajian yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. Pengajian ini berterusan bermula dari rumah-rumah atau pondok-pondok tuan gurunya sehingga ke surau-surau dan masjid-masjid lebih-lebih lagi setelah tulisan Jawi diperkenalkan yang antara lain bertujuan untuk memudahkan pengajian agama dan pembacaan al-Quran. Tulisan Jawi dipelajari secara langsung dengan pembacaan dan pengajian kitab-kitab Jawi yang mula diterbitkan bagi menyalurkan pengajian agama.

Di sinilah bahasa Arab diketengahkan kepada masyarakat melalui pendidikan dan pengetahuan dengan lahirnya kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi. Kebanyakan kitab-kitab Jawi ini ialah karya asli para ulama' Alam Melayu yang berpandukan kepada karangan ulama' besar Islam seperti *Imām al-Ghazālī* dan *Imam al-Nawāwī*. Pengarang Melayu ini berperanan menyampaikan dakwah mereka melalui penulisan dalam bahasa dan tulisan yang boleh difahami oleh masyarakat. Ruang lingkup kandungan kitab mencakupi pelbagai bidang seperti ilmu fiqh, usuluddin, tauhid, tafsir al-Quran dan hadith nabi, tasawuf, sejarah Islam, akhlak, himpunan doa serta wirid dan bahasa Arab.

Pada peringkat permulaan, kitab Jawi ini adalah terjemahan daripada kitab-kitab Arab tetapi kemudian daripada itu, iaitu pada abad ke-16M dan 17M kelahiran tokoh ulama' pengarang dari Aceh telah meninggikan kedudukan kitab Melayu Jawi tulen. (Mustafa Mohd Isa,1999:20). Antara mereka yang terkenal ialah *Hamzah Fansūrī*, *Syekh Syamsuddin al-Sumaterani*, *Syekh Nūruddin al-Raniri* dan *Syekh*

Abdur-Raūf Singkel. Selepas itu muncul *Syekh Abdul Samad al-Falembāni* dan *Syekh Muhammad Arshad al-Banjari* serta *Syekh Muhammad Nāfiṣ al-Banjari* diikuti dengan ulama pengarang Patani yang terkenal iaitu *Syekh Daud bin Abdullah al-Fatāni*.

Dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa Islam berpengaruh dalam pendidikan dan ilmu pengetahuan sejak ia mula disebarluaskan pada abad ke-15M lagi. Penyampaian ilmu agama pula adalah melalui kitab-kitab bahasa Melayu yang bertulisan Jawi yang berasal daripada bahasa dan huruf Arab itu sendiri. Islam juga menggalakkan umatnya berpengetahuan dan berpendidikan kerana Allah telah berjanji meletakkan kedudukan orang yang berilmu ke tahap yang lebih tinggi sebagaimana firmanNya :

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ...

Terjemahannya : Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat. (al-Mujadalah 58:11)

3.2 PERKEMBANGAN TULISAN JAWI DI NEGERI JOHOR

Negeri Johor mempunyai hubungan yang rapat dengan kesultanan Melaka sejak sebelum zaman kejatuhannya lagi. Malah menurut catatan sejarah Hang Tuah Laksamana yang terkenal dalam masa pemerintahan Sultan Mansur (1458-77) telah menjadikan Batu Pahat sebagai tanah pinjaman peribadinya (Josselin de Jong,P.E.,

1965:84). Menjelang akhir zaman kesultanan Melaka, pemerintah terakhir Kerajaan Melayu Melaka telah melarikan diri ke Johor dan mendirikan kerajaan di sana. Di Johor, ajaran Islam diperkenalkan oleh baginda hingga ke Riau dan Lingga (Abd Jalil bin Borham, 1994:67). Berkembanglah ajaran Islam di sana diikuti dengan keislaman penduduk-penduduk setempat sebagai hasil hubungan langsung dari penerimaan agama Islam di Melaka.

Prasasti Islam yang mula-mula ditemui di daerah ini ialah kubur Sultan Alauddin yang meninggal pada tahun 1488 di Ulu Pagoh dan kubur saudaranya Sulaiman bin Sultan Mansor di Sayong (Josselin de Jong,P.E., 1965:84). Agama Islam semakin luas dianuti sehingga menjadikan negeri Johor salah satu daripada Kerajaan Islam Nusantara yang dikenali dengan nama Kerajaan Johor-Riau (T.M.1650-1800) selepas Kerajaan Aceh (T.M 1511-1650), Melaka (T.M 1400-1511) dan Samudera-Pasai (T.M. 1280-1400) (Mustafa Mohd Isa, 1999:6).

Sebagaimana ajaran Islam meninggalkan kesan yang mendalam dalam semua aspek kehidupan pada zaman Kesultanan Melaka, begitu jugalah yang berlaku di negeri Johor termasuklah penyerapan tulisan Jawi sebagai satu wasilah untuk perkembangan ilmu dan pemikiran serta penyampai maklumat.

3.2.1 TULISAN JAWI DALAM PENTADBIRAN

Perkembangan tulisan Jawi di negeri Johor bermula di dalam sektor pentadbiran kerajaan. Sejarahnya bermula daripada urusan surat-menyurat antara pihak pentadbiran, iaitu Sultan dengan pentadbir Inggeris atau pihak luar. Di antara manuskrip bertulisan Jawi yang ditemui pada abad ke-19 ialah :

- i. surat S. Raffles di Melaka kepada Sultan Mahmud Syah Johor di Lingga (22 Zul-kaedah 1225/19 Disember 1810).
- ii. surat Sultan Johor, Pahang, iaitu Sultan Mahmud Syah kepada Stamford Raffles di Melaka (9 Zul-hijjah 1225/6 Januari 1811).
- iii. surat Sultan Ali Iskandar Syah, Johor kepada Gabenor Straits Settlements, O.Cavenagh (30 Mei 1861).

(Tasnim Mokhtar dan Badrulzaman Abd. Hamid, 1995:339)
- iv. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

Kemungkinan penggunaan tulisan ini telah wujud di negeri Johor sebelum tarikh-tarikh di atas di mana terciptanya Undang-Undang Johor pada zaman Kesultanan Melayu Johor warisan daripada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka selepas abad ke-17 Masihi. Menurut Rahimah Abd Aziz (1997:139) sejak 1889 Masihi, pihak pentadbiran dan pemerintahan negeri Johor sangat menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu tulisan Jawi di mana ketika itu Datuk Menteri Johor (sekarang dikenali sebagai Menteri Besar) menekankan semua surat kerajaan ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi kecuali surat-surat yang berkenaan dengan imigresen yang dibenarkan ditulis dalam bahasa Inggeris.

Negeri Johor kemudiannya muncul sebagai perintis yang mempunyai sebuah perlembagaan Islam yang bertulis pada tahun 1895 Masihi serentak dengan penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dengan menjadikan Islam sebagai agama negeri (1895: fasal 57 dan Abd Jalil Borhan, 1994:48) (lihat lampiran). Tulisan Jawi turut digunakan di mahkamah sivil dan mahkamah syari'ah sebagaimana yang tercatat pada manuskrip “*Daftar Keputusan Majlis Mahkamah*

Tinggi 1910-1912" dan "*Daftar Keputusan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Keadilan Johor 1896-1911*" (Amran Kasimin, 1987:50).

3.2.2 TULISAN JAWI DALAM PENDIDIKAN

Sebagaimana yang telah kita semua maklumi, bahawa kebolehan membaca dan menulis sangat berkait rapat dengan agama. Negeri Johor juga tidak ketinggalan ingin melihat rakyatnya mempunyai pendidikan yang secukupnya. Sehubungan dengan itu, istana muncul sebagai pusat membaca dan menulis. Orang yang tertentu akan diberi tanggungjawab untuk menulis salasilah keturunan dan menyimpan rekod. Begitu juga dengan warkah-warkah kerajaan atau perutusan istana. Bermula dengan Pendidikan telah bermula di istana, kemudianya meluas dan tersebar kepada rakyat.

Temenggung Ibrahim memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap pendidikan dan pelajaran. Pada tahun 1901, Jabatan Agama dan Pelajaran ditubuhkan hasil dari Perlembagaan Negeri Johor 1895 (1997:103). Pendidikan dilihat secara umum pada zaman Sultan Abu Bakar terbahagi kepada dua, iaitu sekolah pengantar bahasa Melayu dan sekolah berpendidikan agama. Sekolah agama pertama ditubuhkan pada tahun 1918 dengan nama Sekolah al-Quran Sri Kopi dan perkara yang diajar ialah al-Quran, kitab-kitab dan bahasa Arab yang kemudiannya ditukarkan namanya kepada Sekolah Kitab untuk membayangkan kurikulumnya kepada aspek-aspek agama yang lain sehingga pada tahun 1926 nama Sekolah Agama digunakan hingga ke hari ini (1997:117)

Pendidikan agama yang diajar di sekolah-sekolah ini mencakupi hampir kesemua bidang ilmu iaitu *Tauhid*, *Ibadat*, *Tajwid*, *Sejarah Islam*, *Munakahat*,

Mu'amalat, Faraidh, Akhlak dan sebagainya. Kesemua kitab-kitab ini tercetak dalam tulisan Jawi dan ia kekal dalam keadaan demikian hingga ke hari ini. Antara kitab Melayu klasik bercorak Islam bertulisan Jawi yang masih kekal digunakan di sekolah-sekolah agama negeri Johor ialah *Matla`al-Badrain* karangan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatāni yang selesai ditulis oleh beliau pada 12 Syaaban 1303H di Makkah (Mat Rofa Ismail, 1995:733) (lihat lampiran).

Tulisan Jawi dalam pendidikan tidak terhad pada peringkat persekolahan sahaja. Malah penggunaannya yang meluas membolehkan golongan dewasa mengambil manfaat daripadanya lebih-lebih lagi ia memang tulisan lama yang digunakan sejak dari zaman sebelumnya lagi. Pengajian agama secara tradisional yang diadakan di surau dan masjid-masjid masih menggunakan kitab-kitab lama bertulisan Jawi antaranya kitab *Matla`al-Badrain* itu sendiri dan lain-lain lagi. Antara kitab fiqh yang pernah menjadi rujukan pentadbiran syariah negeri Johor ialah kitab yang menjadi sumber kajian penulis, iaitu Majalah Ahkām Johor yang disusun oleh Mufti Kerajaan Johor pada tahun 1913M.

3.2.3 TULISAN JAWI DALAM MASYARAKAT

Hubungan langsung tulisan Jawi dalam pendidikan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat. Ibu bapa dan penjaga turut mengambil bahagian dalam mempertahankan tulisan ini kerana kewujudannya dalam kurikulum persekolahan. Menurut laporan yang dibuat oleh Abdullah Zakaria dan Zainal Abidin Borhan (1994:184),

“sistem persekolahan yang diadakan oleh Kerajaan Johor adalah selaras dengan pendidikan yang dikehendaki oleh agama Islam, menggunakan bahasa kebangsaan dan tulisan Jawi .”

Tulisan ini tidak hanya digunakan di bangku sekolah sahaja malah ia turut

- digunakan oleh masyarakat awam melalui pembacaan risalah atau makalah yang bercetak Jawi. Badan yang banyak memainkan peranan menghasilkan bahan percetakan bertulisan Jawi kepada masyarakat negeri Johor ialah Jabatan Agama Johor. Jabatan yang ditubuhkan serentak dengan jabatan kerajaan yang lain pada tahun 1895 ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal agama yang diamanahkan oleh kerajaan terhadap umat Islam di Johor khasnya (1994:204).

Hubungannya yang rapat dengan masyarakat dalam konteks penggunaan tulisan Jawi dilihat melalui penerbitan. *Warta Jabatan Agama Johor* ialah majalah bulanan yang diterbitkan dengan tujuan sebagai perantaraan untuk mengeratkan perhubungan di antara Jabatan Agama dan umat Islam negeri Johor dalam usaha penyebaran dakwah. Penerbitan yang pertama diterbitkan pada tahun 1949 dan ia masih berterusan hingga ke hari ini . Selain daripada itu, Jabatan ini juga mencetak buku-buku agama dan kisah-kisah sejarah, buku-buku sekolah agama khasnya, risalah-risalah dan sebagainya. Teks khutbah Jumaat yang dibaca pada setiap minggu masih kekal menggunakan tulisan Jawi hingga sekarang (lihat lampiran)

Di samping percetakan dan penerbitan, tulisan Jawi dapat dilihat pada majlis-majlis sambutan dan perayaan keagamaan seperti perayaan *Maulidur-Rasul*, *Maal-hijrah* dan lain-lain lagi. Ia ditulis pada kain-kain rentang, risalah-risalah atau iklan berkaitan majlis sambutan, sebagai “*back-drop*” pada sesuatu majlis dan sebagainya.

Demikianlah perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat negeri Johor yang membayangkan kepada kita hubungan yang masih kukuh walaupun ia mengalami perjalanan masa yang lama sejak ia mula diperkenalkan sehingga sekarang menempuh era globalisasi masa kini.

3.3 TULISAN JAWI DALAM MAJALAH AHKAM JOHOR

Secara keseluruhan, Majalah Ahkām Johor menggunakan bahasa Melayu bertulisan Jawi dan mengekalkan istilah-istilah bahasa Arab yang tidak dapat dielakkan di samping satu perenggan mukadimah pengarang dalam bahasa Arab (lihat lampiran). Oleh kerana tiada perbezaan bentuk pada huruf Jawi dengan huruf Arab (kecuali pada enam huruf tambahan dalam huruf Jawi bagi fonem Melayu) jadi penulis mengasingkan perbincangan kepada dua bahagian, iaitu perkembangan tulisan Jawi yang melibatkan perkataan bahasa Melayu dan selainnya dan kedua, istilah bahasa Arab secara khusus.

Untuk mengkategorikan teks bahasa Melayu tulisan Jawi dalam kitab ini, perlulah kita melihat kepada tahap-tahap perkembangan tulisan Jawi yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji bahasa terdahulu. Menurut Amat Juhari Muain (1996:31) sistem ejaan Jawi melalui dua pengaruh utama, iaitu Pengaruh Arab dan Pengaruh Melayu. Ejaan Jawi Pengaruh Arab terbahagi kepada dua tahap. Tahap pertama ialah ejaan yang menggunakan tanda-tanda baris seperti ﴿،﴾ ، ﴿،﴾ ، ﴿،﴾ و and tahap kedua iaitu ejaan yang sama dengan tahap pertama tetapi menggugurkan tanda baris seperti و ، ات ، جك and jenis ini diamalkan oleh orang-orang yang telah fasih dan mahir dengan nahu Arab sahaja (Amat Juhari Muain ,1996:31).

Namun demikian, bagi mereka yang kurang mahir dengan tulisan Jawi tahap kedua ini masih menyukarkan kerana wujudnya homograf iaitu lafaz yang berlainan bagi ejaan yang sama. Daripada masalah ini, timbulah Ejaan Jawi Pengaruh Melayu yang meletakkan huruf kal bagi melengkapkan sebutan ejaan. Sistem ini mempunyai dua tahap juga iaitu pertama, meletakkan huruf vokal pada suku kata pertama sahaja, dan yang keduanya, pada kedua-dua suku kata (Amat Juhari Muain,1996:34). Ia bertujuan untuk memudahkan pembaca membaca dengan lancar dan mengelakkan kekeliruan. Tahap pertama ejaan ini banyak digunakan pada abad ke-17 hingga awal abad ke-20 meliputi manuskrip-manuskrip Melayu, kitab-kitab kuning dan juga kitab bercetak pada awal abad 20-an. Tahap ini diperkemaskan lagi dengan hadirnya tahap kedua dan hasilnya kekeliruan hampir tidak berlaku langsung.

Berbalik kepada Majalah Ahkām Johor yang dicetak pada awal abad ke-20, iaitu pada tahun 1913M tentunya mengalami ejaan Pengaruh Melayu. Namun masih terdapat perkataan yang menggunakan ejaan Pengaruh Arab pada tahap kedua yang kebanyakannya telah biasa digunakan dan tidak lagi berlaku kesilapan. Maka dengan ini kita dapat melihat ejaan bahasa Melayu di dalam Majalah Ahkam Johor terdapat tiga jenis sistem ejaan, iaitu :

i. ejaan pengaruh Arab tahap kedua:

اي (1913:120) (ia)

درف (1913:120) (daripada)

جم (1913:120) (jam)

جك (1913:121) (jika)

مك (1913:121) (maka)

كُد (1913:121) (kepada)

ii. ejaan pengaruh Melayu tahap pertama :

جِيك (1913:50) (jika)

دان (1913:50) (dan)

ايت (1913:51) (itu)

رومَه (1913:51) (rumah)

اوله (1913:61) (oleh)

توكَغ (1913:61) (tukang)

iii. ejaan pengaruh Melayu tahap kedua :

كايو (1913: 45) (kayu)

باتو (1913: 45) (batu)

فوكوء (1913: 45) (pokok)

بوروغ (1913: 45) (burung)

كودا (1913: 46) (kuda)

هاروس (1913: 47) (harus)

Dalam pada itu, ada juga perkataan yang tidak kekal ejaannya dan bercampur aduk di antara tahap pertama dan kedua pada ejaan pengaruh Melayu seperti :

(1913:18) اوکور مغوکر ایت قد سسوات بیغ داوکور

Bagi perkataan داکور dan مفوکر didapati berlainan konsep sedangkan kata akar yang digunakan menggunakan ejaan pengaruh Melayu tahap kedua iaitu، اوکور.

Selain itu, berlaku juga pertembungan antara ejaan pengaruh Arab tahap kedua dengan ejaan pengaruh Melayu tahap pertama seperti بیلۃ کو (1913:141) pada perkataan “ku” dengan اولہم (1913:21) pada perkataan “mu”. Ketidakseragaman ini memperlihatkan sistem ejaan yang belum mantap pada masa itu.

Selain daripada sistem ejaan yang melibatkan kedua pengaruh ini, banyak lagi terdapat gabungan perkataan selain daripada imbuhan seperti :

- بارغسیاف (1913: 124) (barang siapa)
- دمیکینلاکنی (1913: 21) (demikian lagi)
- اکندانغ (1913: 21) (akan datang)
- یغبرسرة (1913: 21) (yang berserta)
- اورغلاین (1913: 141) (orang lain)

Ejaan Jawi pengaruh Melayu tahap kedua didapati masih belum lagi menyeluruh kerana terdapat perkataan yang tidak diisi dengan huruf vokal. Namun penggunaannya yang semakin menarik perhatian pengarang-pengarang untuk memudahkan pembaca itu akan memberi kesan kepada istilah-istilah pinjaman dari bahasa Arab pula. Sepatutnya istilah-istilah ini hendaklah dikekalkan ejaannya sebagaimana dalam bahasa sumber, tetapi ia turut mengalami perubahan dengan

penambahan huruf vokal kesan daripada pengaruh tersebut. Maka kita dapati رکن penambahan huruf vokal kesan daripada pengaruh tersebut. Maka kita dapati رکن ditulis dengan وارث مفلس ، روکن menjadi مفلس ، مفیس وارث dan sebagainya. Kita akan membincangkan tentang isu peminjaman istilah bahasa Arab dalam Majalah Ahkam Johor dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya.

Demikian berakhirnya isu tulisan Jawi dalam kitab kajian di mana perubahan yang berlaku adalah disebabkan oleh perkembangan bahasa itu sendiri di samping pengaruh pendidikan yang semakin maju seiring dengan masa.